

## Wacana

### SOROTAN BERITA MERCU TANDA 2016



## Schooling ketuai senarai juara sukan negara 2016

**OGOS-DIS:** Joseph Schooling (gambar atas) mencatat sejarah selepas menjadi atlit setempat pertama memenangi pingat emas di Sukan Olimpik.

Beliau mencatat rekod kejohanan itu selepas menamatkan perlumbaan 100 meter gaya kupu-kupu dalam masa 50.39, menewaskan antara perenang terhebat dalam sejarah, termasuk legenda Amerika Syarikat Michael Phelps.

Sementara itu, pendayung negara Sayidah Aisyah Mohamed Rafa'ee (gambar kanan) mencatat sejarah sebagai pendayung negara pertama bertanding di Sukan Olimpik, selepas melayakkan diri secara merit. Beliau mara ke

suku akhir dan menamatkan pertandingan sebagai peserta ke-23 terbaik, dalam kalangan 32 pendayung. Beliau juga peserta ketiga terbaik dari Asia. Di Sukan Paralimpik September lalu, pasangan perenang Theresa Goh dan Yip Pin Xiu (gambar atas, kiri dan tengah) memenangi dua pingat emas dan satu pingat gangsa.

Bulan ini, pasangan pesilat nasional (gambar kiri, menium Sheik Alauddin) Muhammad Shakir Juanda (kiri) dan Sheik Farhan Sheik Alau'ddin (kanan) memastikan kalender sukan negara berakhir dengan kilauan emas selepas masing-masing memenangi pingat emas di Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-18 di Bali, Indonesia.